



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 10 Mei 2018

Bil. 5/2018

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA HARI KEPUTUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan tarikh 10 dan 11 Mei 2018 (Khamis dan Jumaat) sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan Sempena Hari Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sepertimana yang telah sedia maklum, Pilihan Raya Umum Ke-14 telah berlangsung pada 9 Mei 2018. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengumumkan tarikh 10 dan 11 Mei 2018 (Khamis dan Jumaat) sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan Sempena Hari Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14.
- 2.2 Pengisytiharan cuti umum ini dibuat berdasarkan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan-kerajaan negeri hendaklah mengisytiharkan Hari Kelepasan Am tambahan pada tarikh tersebut mengikut Ordinan Hari Kelepasan Am masing-masing.
- 2.3 Perkara ini telah dimaklumkan melalui Kenyataan Media Ketua Setiausaha Negara, Putrajaya bertarikh 10 Mei 2018.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Ketua Jabatan harus mengambil perhatian dan memaklumkan kakitangan dibawah seliaan masing-masing berkenaan tarikh 10 dan 11 Mei 2018 (Khamis dan Jumaat) sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan Sempena Hari Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14.

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuatkuasa pada 10 Mei 2018.

"BERTEKAD CEMERLANG"



NO'MAN HJ. AHMAD

Pendaftar

Tarikh : 10 Mei 2018

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)